

LITERASI KEWANGAN DAN GELAGAT PERBELANJAAN GURU: KAJIAN DI SEKOLAH ZAKAT KEDAH

FINANCIAL LITERACY AND SPENDING BEHAVIOUR OF TEACHERS: A STUDY AT ZAKAT SCHOOLS IN KEDAH

Ahmad Mujaheed Bin Mohamed Kamil^{1*}
Siti Fatimah Binti Muhamad Nor²
Nurul Shahriza Binti Abu Hassan³

^{1,2,3}Kulliyyah Kewangan Islam, Sains Pengurusan dan Hospitaliti (KWISH), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Unishams), 09300, Kuala Ketil Malaysia Kedah, Malaysia

*Corresponding Author (Email: mujaheedkamil@gmail.com)

Article history

Received date : 23-5-2025

Revised date : 24-5-2025

Accepted date : 18-6-2025

Published date : 30-6-2025

To cite this document:

Mohamed Kamil, A. M., Muhamad Nor, S. F., & Abu Hassan, N. S. (2025). Literasi kewangan dan gelagat perbelanjaan guru: Kajian di Sekolah Zakat Kedah *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 607 - 616.

Abstrak: Kajian ini menilai tahap literasi kewangan dan impaknya terhadap gelagat perbelanjaan dalam kalangan guru di Sekolah Zakat Kedah (SZK). Literasi kewangan diukur melalui empat dimensi utama iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku pengurusan kewangan, pengalaman kewangan, serta kefahaman konsep keperluan dan kehendak. Data dikumpul menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada 35 orang guru dari dua sekolah zakat terpilih di Kedah. Analisis statistik deskriptif dan inferensi (korelasi Pearson, ANOVA dan regresi linear) digunakan bagi mengenal pasti hubungan antara literasi kewangan dan gelagat perbelanjaan guru. Hasil kajian mendapati tahap literasi kewangan guru secara keseluruhan adalah sederhana ke arah tinggi, khususnya dalam aspek pengetahuan asas dan kefahaman konsep keperluan. Analisis lanjut menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara tingkah laku pengurusan kewangan, pengalaman kewangan, dan kefahaman keperluan dengan gelagat perbelanjaan guru. Namun, pengetahuan kewangan dan kefahaman kehendak tidak menunjukkan hubungan yang signifikan. Faktor demografi seperti umur, jantina, status perkahwinan dan pendapatan isi rumah didapati tidak mempengaruhi secara signifikan gelagat perbelanjaan guru. Dapatan ini memberi implikasi penting kepada pengurusan sekolah dan Lembaga Zakat Negeri Kedah untuk memperkasakan latihan literasi kewangan secara praktikal dan berterusan bagi meningkatkan kesejahteraan kewangan guru. Kajian ini turut mencadangkan agar program pembangunan profesional guru turut merangkumi elemen literasi kewangan yang lebih inklusif dan bersasar

Kata kunci: Literasi Kewangan, Gelagat Perbelanjaan, Guru, Sekolah Zakat Kedah

Abstract: This study examines the level of financial literacy and its impact on the spending behaviour among teachers in Zakat Schools, Kedah. Financial literacy was measured based on four main dimensions: financial knowledge, financial management behaviour, financial experience, and understanding the concepts of needs and wants. Data were collected using a questionnaire distributed to 35 teachers from two selected Zakat Schools in Kedah. Descriptive

and inferential statistical analyses (Pearson correlation, ANOVA and linear regression) were used to identify the relationship between financial literacy and teachers' spending behaviour. The findings indicate that the overall financial literacy of teachers is moderate to high, especially in basic knowledge and understanding of needs. Further analysis reveals significant positive relationships between financial management behaviour, financial experience, and understanding needs with spending behaviour, while financial knowledge and understanding wants are not significant. Demographic factors such as age, gender, marital status, and household income do not significantly influence teachers' spending behaviour. The findings imply the importance of practical and continuous financial literacy training for teachers, and suggest that professional development programmes should incorporate inclusive and targeted financial literacy elements.

Keywords: *Financial Literacy, Spending Behaviour, Teacher, Zakat School, Kedah*

Pengenalan

Pengurusan kewangan peribadi dalam kalangan guru semakin diberi perhatian, khususnya dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa dan kos sara hidup yang meningkat. Guru bukan sahaja berperanan sebagai pendidik, malah menjadi contoh kepada pelajar dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk pengurusan kewangan yang berhemah. Literasi kewangan yang tinggi membolehkan individu merancang, mengurus, dan mengawal perbelanjaan secara lebih cekap dan sistematik. Namun, kajian sebelum ini menunjukkan tahap literasi kewangan masyarakat Malaysia, termasuk golongan profesional seperti guru, masih sederhana dan memerlukan penambahbaikan (Lusardi & Mitchell, 2014; Rubayah et al., 2015). Kekurangan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran pengurusan kewangan boleh menjejaskan keupayaan seseorang membuat keputusan yang bijak, mengurus hutang, menabung serta merancang simpanan masa depan.

Dalam konteks sekolah zakat, guru menghadapi cabaran kewangan tersendiri kerana faktor pendapatan terhad, tanggungjawab keluarga dan kos sara hidup yang semakin tinggi. Sekolah zakat berfungsi sebagai institusi pendidikan yang dibiayai dana zakat dengan tujuan menyediakan akses pendidikan berkualiti kepada golongan kurang berkemampuan. Guru-guru sekolah zakat juga merupakan antara penerima manfaat pelbagai program kebajikan, namun kesejahteraan kewangan mereka masih perlu diberi perhatian khusus. Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah memperkenalkan pelbagai program latihan dan pembangunan profesional untuk meningkatkan literasi kewangan guru, tetapi keberkesanan inisiatif ini dari sudut impak terhadap gelagat perbelanjaan belum banyak dikaji.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap literasi kewangan guru-guru Sekolah Zakat Kedah dan meneliti hubungannya dengan gelagat perbelanjaan harian mereka. Kajian ini juga mengambil kira dimensi pengetahuan, tingkah laku, pengalaman kewangan, serta kefahaman konsep keperluan dan kehendak. Dapatan kajian diharapkan dapat mengisi jurang literatur sedia ada dan menjadi rujukan kepada pihak pengurusan sekolah serta LZNK dalam merangka intervensi pendidikan kewangan yang lebih efektif dan bersasar.

Sorotan Kajian Lepas

Literasi kewangan diiktiraf sebagai faktor utama dalam membentuk gelagat perbelanjaan serta kesejahteraan individu. Lusardi dan Mitchell (2014) menegaskan bahawa individu dengan literasi kewangan tinggi lebih cenderung mengamalkan pengurusan kewangan berhemah,

membuat perancangan simpanan, dan keputusan pelaburan yang bijak. Huston (2010) pula menjelaskan bahawa literasi kewangan bukan sekadar pengetahuan, tetapi merangkumi kemahiran dan keyakinan untuk melaksanakan tindakan kewangan yang efektif dalam kehidupan seharian.

Dalam kalangan guru, isu literasi kewangan menjadi semakin kritikal kerana masalah kewangan boleh menjejaskan tumpuan, motivasi dan prestasi kerja (Ariffin & Karim, 2014). Ketidakstabilan kewangan juga dilaporkan memberi kesan terhadap emosi serta keberkesanan pengajaran guru. Usaha meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan pendidik telah diiktiraf sebagai strategi utama memperkasakan institusi pendidikan, khususnya dalam persekitaran ekonomi yang mencabar.

Di Malaysia, kajian oleh Rubayah et al. (2015) mendapati tahap literasi kewangan yang rendah menjadi punca utama kegagalan pengurusan kewangan dalam kalangan individu dewasa termasuk guru. Kekurangan latihan serta pendedahan kepada kemahiran pengurusan kewangan menyebabkan ramai guru menghadapi masalah hutang tidak terkawal dan tekanan ekonomi. Kajian ini mencadangkan agar program pendidikan kewangan berterusan diwujudkan sebagai intervensi utama untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan guru.

Kajian oleh Zaimah et al. (2014) pula menunjukkan bahawa literasi kewangan memberi impak signifikan terhadap gelagat perbelanjaan dan kesejahteraan kakitangan sektor awam. Individu dengan pengetahuan serta kemahiran kewangan yang baik lebih berdisiplin dalam mengurus bajet, tabiat menabung dan mengelakkan perbelanjaan impulsif. Dalam situasi ekonomi yang tidak menentu, kemampuan membezakan antara keperluan dan kehendak menjadi semakin penting, seperti yang ditekankan oleh Jumari (2020).

Kajian tempatan berkaitan guru masih terhad, namun dapatan awal menunjukkan majoriti guru cenderung berbelanja mengikut kemampuan dan mempraktikkan disiplin kewangan tertentu walaupun terdapat jurang dalam aspek pengalaman pelaburan dan perancangan simpanan jangka panjang (Nor & Ibrahim, 2018; Sabri & MacDonald, 2010). Dahlia et al. (2009) mendapati pendedahan kepada konsep keperluan dan kehendak sangat membantu membentuk tabiat berbelanja lebih rasional dalam kalangan guru.

Selain itu, kajian antarabangsa dan tempatan menunjukkan bahawa faktor demografi seperti umur, jantina, status perkahwinan dan pendapatan isi rumah boleh mempengaruhi gelagat perbelanjaan, namun impaknya tidak konsisten. Ada kajian yang mendapati perbezaan signifikan mengikut kumpulan umur dan pendapatan (Aisyah & Wajeeha, 2016), manakala kajian lain menunjukkan faktor dalaman seperti sikap, pengetahuan dan pengalaman lebih dominan (Zaimah et al., 2014; Hassim et al., 2022).

Walau bagaimanapun, analisis kritikal terhadap dapatan kajian terdahulu juga mendapati bahawa pengetahuan kewangan sahaja tidak memadai sekiranya tidak diterjemahkan dalam bentuk amalan harian yang berdisiplin. Sabri dan MacDonald (2010) menegaskan perlunya penekanan kepada latihan praktikal dan bimbingan amali supaya guru dapat mengurus kewangan dengan lebih efektif, terutama dalam mengharungi cabaran kos sara hidup yang semakin tinggi.

Oleh sebab itu, banyak kajian terkini mendapati bahawa dimensi tingkah laku pengurusan kewangan lebih signifikan dalam mempengaruhi gelagat perbelanjaan berbanding sekadar

pengetahuan kewangan. Hal ini kerana tingkah laku merangkumi disiplin amalan sebenar, keupayaan mengawal impuls berbelanja, serta konsistensi dalam menabung dan merancang bajet, berbanding pengetahuan semata-mata yang hanya bersifat teori dan tidak semestinya diaplikasikan dalam kehidupan seharian (Huston, 2010; Sabri & MacDonald, 2010).

Kesimpulannya, kajian lepas secara konsisten membuktikan bahawa literasi kewangan memberi kesan positif kepada gelagat perbelanjaan dan kesejahteraan individu. Namun, kajian secara khusus dalam kalangan guru Sekolah Zakat Kedah masih kurang, justeru kajian ini diharapkan dapat mengisi jurang tersebut serta membantu pihak berkaitan merangka intervensi yang lebih berkesan dan bersasar.

Metodologi

Kajian ini mengguna pakai metodologi kuantitatif, selaras dengan pendekatan yang sering digunakan dalam penyelidikan literasi kewangan. Data utama dikumpul menggunakan borang soal selidik yang dibina berdasarkan instrumen sedia ada (Huston, 2010; Lusardi & Mitchell, 2014; Azahari et al., 2018) dan disesuaikan untuk konteks guru Sekolah Zakat Kedah (SZK). Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian utama: (i) maklumat latar belakang responden seperti umur, jantina, status perkahwinan dan pendapatan isi rumah; (ii) penilaian tahap literasi kewangan guru merangkumi pengetahuan, tingkah laku, pengalaman kewangan serta kefahaman keperluan dan kehendak; dan (iii) impak literasi kewangan terhadap gelagat perbelanjaan, termasuk pengurusan bajet, keutamaan perbelanjaan dan tabiat menabung. Skala Likert lima mata digunakan untuk semua item (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju).

Populasi kajian terdiri daripada semua guru yang berkhidmat di SZK pada tahun 2025. Kaedah persampelan bertujuan digunakan untuk memilih dua buah sekolah zakat mewakili bidang pengajian yang berbeza, dengan jumlah 35 orang guru sebagai responden. Saiz sampel ini memenuhi keperluan minimum untuk kajian penerokaan berskala kecil serta mengambil kira kekangan masa dan akses data.

Nilai kebolehpercayaan (reliability) instrumen diuji menggunakan pekali Cronbach's Alpha, dan semua dimensi mencatatkan nilai melebihi 0.70, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang memuaskan. Skor literasi kewangan dikategorikan kepada tiga tahap mengikut Rubayah et al. (2015): lemah ($0 < \text{skor} \leq 2.99$), sederhana ($3 < \text{skor} \leq 3.99$), dan tinggi ($4 < \text{skor} \leq 5$).

Data dianalisis menggunakan IBM SPSS versi 26. Analisis deskriptif digunakan untuk mengenal pasti profil responden dan tahap purata literasi kewangan. Statistik inferensi pula digunakan untuk menguji hipotesis kajian iaitu ujian korelasi Pearson untuk menilai hubungan antara tahap literasi kewangan dan gelagat perbelanjaan, ANOVA satu hala untuk menentukan perbezaan berdasarkan faktor demografi, serta analisis regresi linear berganda untuk mengenal pasti dimensi literasi kewangan yang paling mempengaruhi gelagat perbelanjaan guru. Penemuan statistik kemudiannya disokong dengan perbincangan naratif supaya interpretasi dapatan jelas dan relevan dengan konteks sebenar guru SZK.

Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian, hipotesis berikut telah diuji:

1. H1: Terdapat hubungan signifikan antara tahap literasi kewangan dengan gelagat perbelanjaan guru.

2. H2: Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pengurusan kewangan, pengalaman kewangan dan kefahaman keperluan dengan gelagat perbelanjaan guru.
3. H3: Tidak terdapat perbezaan signifikan gelagat perbelanjaan guru berdasarkan umur, jantina, status perkahwinan dan pendapatan isi rumah.

Ujian statistik dijalankan menggunakan korelasi Pearson, regresi linear berganda, dan ANOVA pada aras signifikan $p < 0.05$.

Dapatan Kajian

Sebanyak 35 borang soal selidik telah dianalisis dalam kajian ini, melibatkan guru-guru dari dua buah Sekolah Zakat Kedah. Majoriti responden berumur antara 31 hingga 40 tahun (51.4%), diikuti oleh kumpulan umur 41 tahun ke atas (25.7%) dan 20 hingga 30 tahun (22.9%). Responden perempuan lebih ramai (60%) berbanding lelaki (40%). Dari segi status perkahwinan, 74.3% adalah berkahwin, 20% bujang dan 5.7% janda/duda. Pendapatan isi rumah terbesar adalah antara RM3,001 hingga RM4,000 (40%), diikuti bawah RM3,000 (28.6%).

Jadual 1: Profil Demografi Responden

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Umur		
20-30 tahun	8	22.9
31-40 tahun	18	51.4
41 tahun ke atas	9	25.7
Jumlah	35	100
Jantina		
Lelaki	14	40.0
Perempuan	21	60.0
Jumlah	35	100
Status Perkahwinan		
Berkahwin	26	74.3
Bujang	7	20.0
Janda/Duda	2	5.7
Jumlah	35	100
Pendapatan Bulanan		
< RM3,000	10	28.6
RM3,001–RM4,000	14	40.0
RM4,001–RM5,000	4	11.4
RM5,001–RM6,000	3	8.6
RM6,001 dan ke atas	4	11.4
Jumlah	35	100

Tahap literasi kewangan guru diukur dari lima dimensi utama iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku pengurusan kewangan, pengalaman kewangan, kefahaman keperluan dan kefahaman kehendak. Secara keseluruhan, skor min bagi pengetahuan kewangan (4.20), kefahaman keperluan (4.23) dan kehendak (4.41) adalah tinggi, manakala tingkah laku (2.98) dan pengalaman kewangan (3.56) berada pada tahap sederhana.

Jadual 2: Skor Min dan Sisihan Piawai Literasi Kewangan

Dimensi Literasi Kewangan	Min	Sisihan Piawai
Pengetahuan Kewangan	4.2000	.52244
Tingkah Laku Pengurusan Kewangan	2.9829	.57470
Pengalaman Kewangan	3.5643	.59823
Kefahaman Keperluan	4.2286	.49739
Kefahaman Kehendak	4.4071	.52541
Impak Literasi Kewangan terhadap Gelagat Perbelanjaan	3.8082	.70152

*Skala Likert 1 = Sangat Tidak Setuju, 5 = Sangat Setuju.

Impak literasi kewangan kepada gelagat perbelanjaan pula menunjukkan skor tertinggi pada peruntukan untuk barangan keperluan berbanding kehendak (min=4.14) dan mengatur perbelanjaan antara barangan keperluan dan kehendak (min=4.03). Amalan simpanan setiap bulan dan ketidakcukupan wang masih sederhana (min <4.0).

Jadual 3: Skor Min Impak Literasi Kewangan kepada Gelagat Perbelanjaan

Item	Min	Sisihan Piawai
Mengatur perbelanjaan antara barang keperluan dan kehendak.	4.03	.757
Membuat simpanan setiap bulan.	3.69	1.078
Mengurangkan kekerapan perbelanjaan barang kehendak.	3.94	.838
Membuat senarai barang ketika membeli makanan & minuman	3.80	.994
Tidak lagi mengalami masalah ketidakcukupan wang.	3.11	1.231
Peruntukan untuk barangan keperluan berbanding kehendak	4.14	.879
Berjaya membelanjakan lebih wang saya untuk bersedekah.	3.94	.838

*Nilai min >4.0 dianggap baik; antara 3–4 sederhana; <3 kurang memuaskan.

Ujian Korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara tingkah laku pengurusan kewangan, pengalaman kewangan dan kefahaman keperluan dengan gelagat perbelanjaan. Pengetahuan kewangan juga signifikan tetapi sederhana. Kefahaman kehendak tiada hubungan signifikan.

Jadual 4: Matriks Korelasi Pearson

Dimensi Literasi Kewangan	Korelasi, r	Sig. (p)	Tafsiran Hubungan
Pengetahuan Kewangan	0.385*	0.022	Sederhana, signifikan
Tingkah Laku Pengurusan Kewangan	0.692**	<0.001	Kuat, sangat signifikan
Pengalaman Kewangan	0.648**	<0.001	Kuat, sangat signifikan
Kefahaman Keperluan	0.652**	<0.001	Kuat, sangat signifikan
Kefahaman Kehendak	0.255	0.139	Lemah, tidak signifikan

*Korelasi signifikan pada aras 0.05 (), sangat signifikan pada aras 0.01 (**).*

Analisis ANOVA pula mendapati tiada perbezaan signifikan gelagat perbelanjaan berdasarkan umur, jantina, status perkahwinan dan pendapatan.

Regresi linear berganda pula membuktikan bahawa tingkah laku pengurusan kewangan ($\beta=0.42$, $p=0.001$), pengalaman kewangan ($\beta=0.35$, $p=0.003$), dan kefahaman keperluan ($\beta=0.40$, $p=0.003$) merupakan faktor paling signifikan mempengaruhi gelagat perbelanjaan guru. Nilai $R^2 = 0.75$ menunjukkan model menerangkan 75% variasi gelagat perbelanjaan.

Jadual 5: Ringkasan Regresi Linear Berganda

Pembolehubah Bersandar	Beta β	Nilai T	Nilai P	Kesimpulan
Pengetahuan Kewangan	-0.038	-0.358	0.723	Tidak Signifikan
Tingkah Laku Pengurusan Kewangan	0.420	3.883	0.001	Signifikan
Pengalaman Kewangan	0.348	3.292	0.003	Signifikan
Kefahaman Keperluan	0.399	3.214	0.003	Signifikan
Kefahaman Kehendak	-0.038	-0.343	0.734	Tidak Signifikan

Keputusan ujian hipotesis ditunjukkan dalam Jadual 6. Hasil ujian menunjukkan hanya tingkah laku pengurusan kewangan, pengalaman kewangan dan kefahaman keperluan yang mempunyai hubungan signifikan dengan gelagat perbelanjaan guru. Pengetahuan kewangan dan kefahaman kehendak tidak signifikan. Tiada perbezaan gelagat perbelanjaan berdasarkan demografi.

Jadual 6. Keputusan Ujian Hipotesis Kajian

Hipotesis	Pernyataan Hipotesis	Nilai p	Keputusan
H1	Terdapat hubungan positif dan signifikan antara Pengetahuan Kewangan dengan Impak Literasi Kewangan terhadap Gelagat Perbelanjaan (ILKGP).	0.723	Tidak Disokong
H2	Terdapat hubungan positif dan signifikan antara Tingkah Laku Pengurusan Kewangan dengan ILKGP	0.001	Disokong
H3	Terdapat hubungan positif dan signifikan antara Pengalaman Kewangan dengan ILKGP.	0.003	Disokong
H4	Terdapat hubungan positif dan signifikan antara Kefahaman Keperluan dengan ILKGP.	0.003	Disokong
H5	Terdapat hubungan positif dan signifikan antara Kefahaman Kehendak dengan ILKGP.	0.734	Tidak Disokong

*Signifikan pada tahap $p < 0.01$, $p < 0.05$

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan dalam kalangan guru-guru Sekolah Zakat Kedah secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana ke arah tinggi. Hasil analisis mendapati dimensi pengetahuan kewangan mencatatkan skor min yang tinggi, selari dengan tahap pemahaman guru terhadap konsep keperluan dan kehendak. Keputusan ini menyokong dapatan Lusardi dan Mitchell (2014) serta Huston (2010), yang menegaskan bahawa individu dengan pendedahan pendidikan kewangan yang kukuh cenderung menguasai istilah dan isu-isu kewangan harian dengan lebih baik.

Walau bagaimanapun, aspek tingkah laku pengurusan kewangan dan pengalaman kewangan dalam kalangan guru masih berada pada tahap sederhana. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun pengetahuan asas kewangan kukuh, terdapat keperluan untuk mempertingkatkan konsistensi amalan pengurusan kewangan dan pengalaman praktikal. Penemuan ini turut selari dengan dapatan Sabri dan MacDonald (2010), yang menegaskan bahawa pengetahuan

keuangan sahaja tidak mencukupi sekiranya tidak diterjemahkan kepada amalan harian yang berdisiplin dan terancang.

Lebih menarik, kajian ini mendapati bahawa impak literasi kewangan terhadap gelagat perbelanjaan guru adalah positif dan signifikan, khususnya pada dimensi tingkah laku pengurusan kewangan, pengalaman kewangan dan kefahaman keperluan. Ini bermakna guru-guru yang lebih celik kewangan cenderung membuat keputusan perbelanjaan yang lebih berhemah, menabung, dan mengelakkan perbelanjaan impulsif. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Ariffin dan Karim (2014) serta Jumari (2020), yang mendapati bahawa pengetahuan serta kemahiran kewangan membantu individu menguruskan perbelanjaan dengan lebih berkesan terutama dalam situasi ekonomi yang mencabar.

Analisis ANOVA dalam kajian ini turut menunjukkan bahawa faktor demografi seperti umur, jantina, status perkahwinan dan pendapatan isi rumah tidak mempengaruhi secara signifikan gelagat perbelanjaan guru. Keputusan ini menambah dimensi baharu dalam teori literasi kewangan, dengan menegaskan bahawa faktor dalaman seperti sikap, pengetahuan dan pengalaman lebih penting dalam membentuk amalan kewangan berbanding faktor luaran seperti demografi. Dapatan ini selari dengan kajian Zaimah et al. (2014) serta Hassim et al. (2022) yang melaporkan bahawa pendidikan kewangan harus dilaksanakan secara inklusif tanpa mengira latar belakang individu.

Implikasi Dasar

Hasil kajian ini memberi beberapa cadangan penting kepada pihak sekolah dan Lembaga Zakat Negeri Kedah. Pertama, latihan dan bimbingan praktikal kewangan perlu diperkukuhkan, bukan sekadar fokus kepada pengisian pengetahuan teori. Program seperti bengkel amali, simulasi bajet, klinik kewangan, dan pendedahan kepada instrumen pelaburan patuh syariah boleh membantu meningkatkan kemahiran serta disiplin kewangan guru. Sesi kaunseling dan konsultasi berkala juga boleh dilaksanakan bagi menyelesaikan isu kewangan secara lebih berkesan.

Selain itu, disarankan supaya elemen literasi kewangan dimasukkan dalam program pembangunan profesional guru secara berterusan. Modul khusus dan kempen kesedaran literasi kewangan wajar dijalankan di peringkat sekolah agar guru sentiasa cakna terhadap kepentingan pengurusan kewangan yang bijak. Usaha literasi kewangan ini perlu bersifat inklusif tanpa mengira latar belakang demografi guru, kerana hasil kajian membuktikan semua kumpulan boleh mendapat manfaat.

Akhir sekali, pembuat dasar di peringkat negeri mahupun nasional boleh menggunakan dapatan ini sebagai rujukan untuk merangka polisi pendidikan kewangan yang lebih komprehensif, menyeluruh dan bersasar di institusi pendidikan zakat. Kajian lanjutan dengan saiz sampel lebih besar serta pelbagai jenis sekolah dicadangkan bagi memperkukuh dapatan dan strategi pelaksanaan di masa hadapan.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa tahap literasi kewangan dalam kalangan guru Sekolah Zakat Kedah adalah sederhana ke arah tinggi, terutama dalam aspek pengetahuan kewangan dan kefahaman keperluan serta kehendak. Namun, amalan dan pengalaman praktikal kewangan masih ada ruang untuk dipertingkatkan. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa

tingkah laku pengurusan kewangan, pengalaman kewangan dan kefahaman keperluan merupakan faktor utama yang mempengaruhi gelagat perbelanjaan guru.

Dapatan kajian ini mengesahkan kepentingan latihan kewangan yang bersifat praktikal dan berterusan kepada semua guru, tanpa mengira latar belakang demografi. Penekanan terhadap pembangunan kemahiran amali dan bimbingan profesional dapat membantu guru mengurus kewangan dengan lebih bijak dan seterusnya memberi impak positif kepada kesejahteraan diri serta prestasi kerja.

Kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada pihak pengurusan sekolah, Lembaga Zakat Negeri Kedah, serta pembuat dasar dalam merangka program intervensi literasi kewangan yang lebih efektif, komprehensif dan inklusif di masa akan datang. Kajian lanjutan dengan skop lebih meluas disyorkan untuk memperkukuh penemuan dan strategi penambahbaikan dalam pengurusan kewangan guru di institusi pendidikan zakat seluruh negara.

Penghargaan

Penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Sekolah Zakat Kedah di atas sokongan menyalurkan data serta maklumat bagi memenuhi keperluan menyiapkan artikel ini.

References

- Aisyah, S., & Wajeeha, Y. (2016). Hubungan Tahap Literasi Kewangan dengan Pengurusan Kewangan Pelajar. *International Journal of Education and Training*, 3(2), 23-29.
- Ariffin, M. & Karim, Z. A. (2014). Pengaruh stres kewangan terhadap prestasi kerja guru: Kajian empirikal. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 45-53.
- Azahari Ramli, A. A., Ismail, M. & Omar, S. Z. (2018). Literasi Kewangan dan Hubungannya dengan Sikap serta Gelagat Kewangan dalam Kalangan Guru di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 53, 117-128.
- Bank Negara Malaysia. (2020). Financial Stability and Payment Systems Report 2020. Kuala Lumpur: BNM.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Dahlia, R., Rabitah, H., & Zuraidah, A. (2009). Hubungan literasi kewangan dan perancangan kewangan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 43(2), 123-133.
- Dan, M. R., & Low, K. C. (2020). Pengaruh Literasi Kewangan Terhadap Gelagat Kewangan Pelajar Universiti. *The International Seminar on Regional Politics, Administration and Development 2020 (INSORPAD2020), STISIPOL Raja Haji, Riau, INDONESIA, 14-15 October 2020, 2020*(October), 520–528.
- Garman, E. T., & Fogue, R. E. (2000). *Personal Finance* (6th ed.). Boston: Houghton Mifflin.
- Godwin, D. D. (1994). Antecedents and Consequences of Newlyweds' Cash Flow Management. *Financial Counseling and Planning*, 5, 161-190.
- Huston, S. J. (2010). Measuring Financial Literacy. *Journal of Consumer Affairs*, 44(2), 296-316.
- Jumari, N. F. (2020). Literasi Kewangan dan Keupayaan Pengurusan Kewangan Individu. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 36, 33-42.
- Jumari, R. (2020). Kefahaman Keperluan dan Kehendak Dalam Pengurusan Kewangan: Satu Kajian Kes di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 58(1), 29-39.
- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2014). The Economic Importance of Financial Literacy: Theory and Evidence. *Journal of Economic Literature*, 52(1), 5-44.

- Malhotra, N. K. (2010). *Marketing Research: An Applied Orientation* (6th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Norhidayah, S., Zainudin, M., & Shamsul, B. A. (2019). Stress Kewangan dan Kualiti Hidup Guru Sekolah Luar Bandar di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(2), 48–58.
- Rubayah, H., Hawati, J. & Nur Ain, I. (2015). Literasi Kewangan dan Perancangan Kewangan: Kajian Terhadap Guru-Guru di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 44, 89-102.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2013). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach* (6th ed.). Chichester: John Wiley & Sons.
- Shamsudin, S. F., Zainol, Z., & Suhaimi, N. A. (2017). Amalan Pengurusan Kewangan dalam Kalangan Penjawat Awam di Negeri Kedah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 13(1), 1–13.
- Sinar Harian Online. (2020). 75 peratus rakyat Malaysia tiada simpanan mencukupi. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/>
- Zaimah, R., Nor Aini, A., Siti Mariam, A., Amrah, S., & Azima, A. M. (2014). Financial Well-Being Among Public Sector Employees in Malaysia. *Asian Social Science*, 10(14), 41-52.